Proceedings Borneo International Islamic Conference; Vol. 16. 2025; 44-47
Published by Majmuah Enterprise
eISSN: 2948-5045

LGBTQ+: Rintangan dalam Usaha Mewujudkan Keamanan, Keadilan Iklim dan Dialog Tamadun Dalam Perspektif Islam di Malaysia

MUHAMMAD FARIS BIN MAT JANI, MOHAMMAD IQMAL BIN MUHAMMAD HERMAN, MUHD FAIZ KADIR

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Malaysia

2022847214@student.uitm.edu.my, 2022847218@student.uitm.edu.my, faizkadir@uitm.edu.my

ABSTRAK

Mutakhir ini Malaysia berdepan dengan cabaran LGBTQ+ yang di haramkan dalam undang-undang sivil dan syariah di negara tersebut. Hal ini membawa halangan untuk mencapai keamanan sosial dalam masyarakat kerana seringkali menimbulkan perpecahan dan ketegangan. Selain itu, tidak ada undang-undang yang melindungi kelompok ini daripada diskriminasi. Isu ini sering menimbulkan perdebatan sengit yang berpunca dari pihak yang cuba untuk menuntut hak kesamarataan kepada golongan LGBTQ+. Isu ini haruslah diteliti secara objektif tanpa menuding jari dengan mendalami impak isu LGBTQ+ terhadap keamanan global, termasuk bagaimana isu ini boleh mempengaruhi imej sesebuah negara dan kesan terhadap perhubungan antarabangsa. Kontroversi berkaitan isu LGBTQ+ di Malaysia terus menjadi perhatian utama, terutamanya selepas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar, yang menggesa siasatan terhadap program promosi LGBTQ baru-baru ini. Insiden ini menyerlahkan ketegangan yang berterusan antara hak asasi manusia, nilai-nilai Islam sebagai agama Persekutuan, dan norma budaya Timur yang dipegang teguh oleh majoriti rakyat Malaysia. Penolakan keras terhadap usaha menormalisasikan "gaya hidup songsang" oleh Kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa isu LGBTQ+ bukan sekadar perdebatan moral, tetapi juga melibatkan tafsiran perlembagaan, penguatkuasaan undang-undang, serta pemeliharaan struktur sosial dan moral negara. Cabaran utama yang akan timbul adalah dari perspektif agama Islam dan keadaan sosial semasa. Oleh hal yang demikian, perbincangan ini akan beralih kepada pendekatan dialog antara tamadun dari sudut pandang Islam berdasarkan prinsip hikmah dan nasihat yang baik.

1.0 Pendahuluan

Isu komuniti *Lesbian*, *Gay*, *Biseksual*, dan *Transgender* (LGBTQ+) di Malaysia terus menjadi perbahasan yang kompleks. Berdasarkan data dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tahun 2018, menunjukkan peningkatan signifikan dalam bilangan individu *gay* dan *transgender* di negara ini. (Dermawan, Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM, 2018) Peningkatan jumlah golongan *gay* hampir dua kali ganda dalam tempoh lima tahun dan *transgender* melonjak tiga kali ganda sejak 1988, mencetuskan kebimbangan serius dalam kalangan pihak berkuasa agama dan masyarakat. JAKIM mengenal pasti beberapa faktor penyumbang, termasuk pengalaman trauma di sekolah berasrama yang menyebabkan ketagihan seks sejenis dalam kalangan remaja lelaki, kemudahan akses kepada perbincangan LGBTQ+ melalui media sosial dan isu buli. Pendirian rasmi kerajaan Malaysia kekal tidak menyokong budaya LGBTQ+ dan perkahwinan sejenis, seiring dengan penekanan kepada nilai-nilai Islam dan moral tempatan. Dalam konteks Islam, orientasi seksual dan jantina yang menyimpang daripada fitrah lelaki dan perempuan dianggap bertentangan dengan prinsip syariah. Berdasarkan kisah kaum Nabi Lut yang terdapat dalam al-Quran, hubungan sejenis dilihat sebagai perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah dan mengganggu kesejahteraan masyarakat. (al-Bakri, 2019) Namun begitu, pendekatan Islam terhadap golongan LGBTQ+ tidak sepatutnya hanya bersifat hukuman dan penolakan mutlak. Prinsip-prinsip seperti **hikmah (kebijaksanaan)**, **rahmah (kasih sayang)** dan **'adl (keadilan)** perlu menjadi asas dalam berinteraksi dan menangani realiti sosial semasa.

2.0 Faktor Utama Masalah LGBTQ+

Berdasarkan kajian oleh Nurain Othman dan Kamarul Azmi Jasmi (2023), terdapat beberapa punca utama berlakunya gejala LGBT dalam masyarakat Malaysia. Antara yang paling ketara ialah faktor keluarga, iaitu apabila anak-anak tidak mendapat perhatian, kasih sayang, atau bimbingan yang mencukupi daripada ibu bapa. Kurangnya komunikasi antara ahli keluarga serta kesibukan ibu bapa menyebabkan sebahagian anak-anak mencari perhatian dan sokongan emosi daripada rakan sebaya, termasuk melalui hubungan yang menyimpang. Tambahan pula, suasana yang toksik, konflik dalaman, dan ketiadaan pengawasan terhadap pergaulan anak-anak mendedahkan mereka kepada pengaruh luar yang negatif. Didikan yang longgar serta gagal menanam nilai agama sejak kecil turut memberi ruang kepada kecelaruan identiti seksual untuk berkembang tanpa batas. (OTHMAN & KAMARUL, 2023)

Selain itu, kurangnya penghayatan terhadap ajaran agama turut menjadi faktor yang signifikan. Walaupun pendidikan agama Islam diberikan sejak bangku sekolah, masih ramai individu yang tidak mengamalkannya secara menyeluruh dalam kehidupan seharian. Pegangan akidah yang longgar menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan fahaman liberal dan idea kebebasan mutlak yang bertentangan dengan prinsip syariat. Dalam Islam, perhubungan sejenis bukan sahaja dianggap sebagai dosa besar, tetapi juga sebagai bentuk kerosakan sosial yang menjejaskan struktur masyarakat. Justeru, pengabaian terhadap kehidupan beragama telah menjadi pendorong utama kepada penormalan gaya hidup LGBTQ+ dalam kalangan sesetengah individu.

Di samping itu, aspek psikologi individu juga dikenal pasti sebagai penyumbang kepada gejala ini. Trauma masa lampau seperti gangguan seksual, penderaan fizikal dan emosi, serta masalah kemurungan atau tekanan jiwa boleh mencetuskan kecenderungan terhadap hubungan sejenis. Dalam sesetengah kes, pengalaman diliwat semasa kecil atau dibuli kerana bersikap ‘lembut’ menyebabkan seseorang membentuk identiti jantina yang berbeza daripada fitrah asalnya. Pengaruh rakan sebaya turut memainkan peranan besar, terutama dalam persekitaran tertutup seperti sekolah berasrama, di mana remaja mudah terdedah kepada eksperimen sosial dan seksual. Selain itu, media sosial juga menjadi medium penyebaran nilai-nilai liberal yang mempromosikan gaya hidup LGBTQ+, secara tidak langsung mempengaruhi minda remaja dan mempercepatkan penularan kecelaruan seksual ini dalam kalangan generasi muda.

Dari sudut undang-undang, Malaysia masih tidak mengiktiraf dan melarang perlakuan yang dikaitkan dengan LGBTQ+, sejajar dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan. Di bawah **Kanun Keseksaan Seksyen 377A hingga 377D**, perlakuan liwat dan seks luar tabii yang dianggap sebagai kesalahan jenayah, walaupun penggunaannya semakin diperdebatkan dari sudut hak asasi. Walaupun undang-undang ini bertujuan menjaga keharmonian masyarakat dan melindungi nilai moral, hal tersebut juga menimbulkan cabaran dalam konteks perbincangan hak individu dan tekanan antarabangsa yang menuntut pengiktirafan terhadap hak seksual dan jantina. Terdapat beberapa kekurangan dari sudut pelaksanaan dan struktur undang-undang di Malaysia yang menyebabkan isu LGBTQ+ masih berleluasa, walaupun wujudnya peruntukan yang mengharamkan perbuatan tersebut.

Walaupun undang-undang seperti Seksyen 377A–D Kanun Keseksaan dan enakmen jenayah Syariah negeri-negeri wujud, penguatkuasaannya sering tidak dilaksanakan secara menyeluruh atau berterusan. Banyak kes hanya akan diambil tindakan apabila wujud aduan atau perhatian daripada media. Ini menyebabkan perlakuan songsang terus berlaku dalam senyap dan sukar dipantau. Undang-undang sedia ada lebih bersifat *punitif* (menghukum) berbanding *preventif* (mencegah). Selain itu, kekurangan program pendidikan seksual berlandaskan syariah dalam sistem pendidikan nasional yang menyasarkan pencegahan awal terhadap salah laku seksual dan kecelaruan identiti. Ini menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan maklumat songsang dari Internet dan media sosial tanpa bimbingan yang betul.

3.0 Kesan terhadap Keamanan Global dan Imej Negara

Apabila gejala LGBTQ+ ini berkembang secara berleluasa dan dibiarkan melalui kurangnya didikan kekeluargaan, longgarnya penghayatan ilmu agama dalam kehidupan seharian, serta kelemahan dari segi penguatkuasaan undang-undang di negara ini, ia bukan sekadar memberikan kesan terhadap moral dan dalam kalangan komuniti. Malah ini juga akan mewujudkan cabaran yang besar terhadap imej negara, hubungan diplomatik, dan keamanan masyarakat global, lebih-lebih lagi apabila nilai budaya tempatan di negara ini bertembung dengan nilai budaya luar yang meyakinkan diri mereka untuk memperjuangkan hak seksual sebagai daripada hak asasi manusia. Bayangkan sebuah negara yang dilabelkan oleh media antarabangsa sebagai ’negara yang tidak menghormati hak asasi manusia’ hanya kerana negara tersebut hanya ingin mempertahankan nilai agama dan budayanya sahaja. Inilah antara kesan yang mulai dirasai akibat percanggahan pandangan terhadap isu LGBTQ+ di peringkat global.

Dalam dunia hari ini, imej sesebuah negara bukan sahaja dinilai melalui ekonomi dan teknologi, tetapi juga memalui pendiriannya terhadap isu hak asasi manusia, termasuklah LGBTQ+. Negara yang berpegang teguh pada prinsip agama dan budaya seperti Malaysia, sering berdepan dengan tekanan antarabangsa apabila enggan mengiktiraf hak seksual golongan LGBTQ+. Hal ini bukan sahaja menimbulkan imej negatif terhadap negara tersebut, malah turut dilabelkan sebagai 'tidak progresif' atau 'melanggar hak asasi manusia. Beberapa laporan tahunan oleh badan antarabangsa seperti *Human Rights Watch* telah mengkritik tindakan pihak berkuasa di Malaysia yang masih menjalankan siasatan, tangkapan, dan proses pemulihan terhadap individu LGBTQ+, serta mengekalkan undang-undang seperti Seksyen 377A Kanun Keseksaan (Watch, 2022) . Kritikan ini turut diperkuatkan dengan laporan media antarabangsa yang menggambarkan pendekatan Malaysia sebagai konservatif dan menindas. Walaupun pendekatan ini selaras dengan prinsip Perlembagaan dan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, tekanan dari luar itu telah mewujudkan persepsi negatif terhadap Malaysia, sekali gus mencabar kedaulatan negara dalam mengurus hal ehwal moral dan sosial mengikut acuan tempatan. (OTHMAN & KAMARUL, 2023) Tekanan ini boleh memberi kesan kepada hubungan diplomatik, pelaburan asing serta kepercayaan antarabangsa terhadap dasar-dasar negara.

Isu LGBT di Malaysia telah menimbulkan pelbagai konflik yang mencabar kestabilan negara dari aspek sosial, agama dan perundangan. Gerakan LGBT sering dikaitkan sebagai bentuk diskriminasi baharu yang berselindung di sebalik prinsip hak asasi manusia (Norehan, 2012). Mereka dikatakan memanipulasi konsep Hak Asasi Manusia bagi mempertahankan gaya hidup yang bercanggah dengan norma tempatan dan agama Islam. (Saleha, 2016) menyatakan bahawa krisis identiti dan nilai ketamadunan manusia moden semakin meruncing apabila gaya hidup LGBT menyimpang daripada asas kemanusiaan, menggugat keharmonian masyarakat serta kestabilan sosial dan agama. Peningkatan jumlah komuniti LGBT turut memberi kesan kesihatan dan sosial. JAKIM (Dermawan, Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM, 2018) mencatatkan bahawa populasi komuniti *gay* meningkat daripada 173,000 orang pada 2013 kepada 310,000 orang pada 2018, manakala jumlah *transgender* meningkat daripada 10,000 kepada 30,000 dalam tempoh sama. Menurut (Malaysia, 2016), homoseksual dan biseksual menyumbang 36% daripada jangkitan HIV di Malaysia.

Dari sudut kekeluargaan, (Ibrahim, 2016) melaporkan bahawa gejala LGBT merupakan antara penyumbang utama kepada lebih 92,000 kes penceraian dalam tempoh 2012 hingga 2014, termasuk isu seperti homoseksual, *transgender* dan seks luar tabi'i. Tambahan pula, tindakan segelintir aktivis LGBT mencabar perundangan Islam seperti dalam kes Juzaili & Anor v. Kerajaan Negeri Sembilan & Anor menunjukkan wujudnya cabaran besar terhadap sistem perundangan Islam negara (Kes Juzaili & Anor v. Kerajaan Negeri Sembilan & Anor, 2014) Situasi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan turut dialami oleh negara lain yang mengekalkan pendirian tegas terhadap isu LGBTQ+. Sebagai contoh, Uganda telah meluluskan Anti-Homosexuality Act 2023, iaitu satu undang-undang yang memperuntukkan hukuman berat termasuk hukuman mati bagi kesalahan homoseksual tertentu (Chopra, 2023). Tindakan ini telah mengundang kecaman keras daripada negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat, yang menganggap undang-undang tersebut sebagai pencabulan hak asasi manusia. Malah, Presiden Amerika juga turut mengancam untuk menghentikan bantuan kewangan dan menilai semula hubungan diplomatik antara kedua-dua negara (House, 2023). Reaksi ini jelas menunjukkan bahawa dasar sesebuah negara terhadap LGBTQ+ bukan sahaja memberi kesan domestik, tetapi turut mempengaruhi hubungan antarabangsa serta kedudukan negara tersebut dalam arena global.

4.0 Dialog Antara Tamadun: Pendekatan Islamik

4.1 Islam Menggalakkan Dialog Berhikmah dalam Menangani Perbezaan

Islam adalah agama yang menekankan prinsip *hikmah* dan *rahmah* dalam berinteraksi dengan sesiapa sahaja, termasuk golongan yang berbeza pandangan atau gaya hidup. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 125 menegaskan: *"Serulah (semua) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang baik..."* Ayat ini menjadi asas penting dalam pendekatan dakwah Islam yang penuh beradab, termasuk dalam berdialog dengan golongan LGBTQ+. Dalam konteks dialog antara tamadun, Islam tidak menganjurkan pemaksaan nilai, sebaliknya menekankan perbincangan secara terbuka dan menghormati perbezaan. Hal ini penting bagi memastikan hubungan antara agama, bangsa dan budaya dapat dibina atas dasar saling memahami dan tidak mencetuskan ketegangan global.

4.2 Pendekatan Dakwah sebagai Alat Dialog dan Pemulihan Sosial

Dalam menghadapi cabaran moden seperti gerakan LGBTQ+, dakwah yang bijaksana menjadi medium terbaik bagi umat Islam untuk menyampaikan pandangan agama secara berhemah. Terdapat lima pendekatan dakwah yang sesuai digunakan terhadap golongan LGBTQ+ di Malaysia, termasuk pendekatan teladan melalui perbuatan, hiburan, pembinaan sosial, pendekatan psikologi dan pembangunan sahsiah. (Hafizah, 2020) Pendekatan-pendekatan ini menekankan pemulihan dan pendidikan, bukan penghakiman atau diskriminasi. Dalam konteks dialog antara tamadun, metodologi dakwah ini boleh menjadi contoh kepada masyarakat dunia bahawa Islam mempunyai pendekatan yang seimbang — menolak perlakuan yang bertentangan dengan syariat tetapi tetap menghormati maruah manusia. Usaha dakwah ini juga dapat menjadi jambatan antara dunia Islam dan masyarakat antarabangsa dalam memperkasakan keamanan dan persefahaman sejagat.

References

al-Bakri, D. S. (2019, MARCH 12). *KISAH KAUM NABI LUTH AS DAN IKTIBARNYA*. Retrieved from PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN: https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3188-bayan-linnas-siri-ke-171-kisah-kaum-nabi-luth-as-dan-iktibarnya

Chopra, A. R. (2023, September 28). *Uganda's anti-gay law causing wave of right abuses, activists say*. Retrieved from Reuters: https://www.reuters.com/world/africa/ugandas-anti-gay-law-causing-wave-rights-abuses-activists-say-2023-09-28/

Dermawan, A. (2018, October 19). *Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM*. Retrieved from Berita Harian Online: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim

Dermawan, A. (2018, October 29). *Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM*. Retrieved from BH Online: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim

Hafizah, N. &. (2020). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, GAY, Biseksual Dan Transgender (LGBT).

House, T. W. (2023, May 29). *Statement from President Joe Biden on the Enactment of Uganda's Anti-Homosexuality Act*. Retrieved from The White House: https://bidenwhitehouse.archives.gov/briefing-room/statements-releases/2023/05/29/statement-from-president-joe-biden-on-the-enactment-of-ugandas-anti-homosexuality-act/

Ibrahim, H. (2016, Mac 4). *92,678 bahagia hanya seketika*. Retrieved from myMETRO: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/03/120188/92678-bahagia-hanya-seketika

Kes Juzaili & Anor v. Kerajaan Negeri Sembilan & Anor, N-01-498-11/2012 (Mahkamah Rayuan Malaysia November 7, 2014).

Malaysia, M. o. (2016). *SNAPSHOT OF HIV & AIDS IN MALAYSIA 2016.* Malaysia: Majlis AIDS & Yayasan AIDS Malaysia.

Norehan. (2012). Gerakan LGBT sebagai diskriminasi bentuk baharu. *Jurnal Undang-undang dan masyarakat*, 29-36.

OTHMAN, N., & K. A. (2023). GEJALA LGBT DI MALAYSIA .

Saleha, N. H. (2016). Metodologi dakwah terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam* , 103-119.

Watch, H. R. (2022, August 10). *Malaysia: Diskriminasi oleh Kerajaan Mengancam Warga LGBT*. Retrieved from Human Right Watch: https://www.hrw.org/ms/news/2022/08/10/malaysia-state-backed-discrimination-harms-lgbt-people